

## **Majlis Penutupan Logistics Human Resource Development of Intensive Course on Logistics Operations and Networking 2023**



20 Oktober - Majlis Perasmian Penutupan Logistics Human Resource Development of Intensive Course on Logistics Operations and Networking 2023 bertempat di Dewan Seri Mutiara hari ini.

Program ini merupakan Sagawa Holdings (SGH) Group Foundation dan Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism, Japan (MLIT Japan) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. Politeknik Seberang Perai telah dipilih untuk menjadi pengelola bagi program ini.

Hampir 200 pelajar dalam jurusan logistik dan rantai bekalan daripada empat (4) buah Politeknik terlibat sebagai peserta iaitu Politeknik Seberang Perai, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Politeknik Kota Kinabalu dan Politeknik Nilai.

Semoga segala perkongsian ilmu yang diperolehi selama 5 hari dapat memberi pendedahan dan latihan berkaitan amalan industri logistik di Jepun kepada pelajar institut pengajian tinggi (pelajar politeknik) di Malaysia, dapat mewujudkan satu platform sebagai usaha untuk mendedahkan pelajar kepada sektor logistik dan industri pengangkutan di peringkat global. Secara tidak langsung ia juga mewujudkan jalinan kerjasama antara Institut Pengajian Tinggi di Malaysia dan syarikat antarabangsa yang melibatkan program pengajian industri logistik dan pengangkutan.

Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Normah Binti Osman, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Wakil daripada Jepun adalah Mr. Masatoshi Furuta, Director Office of Counsellor for International Logistics Office, Logistics and Road Transport Bureau, Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism Government of Japan (MLIT Japan) dan Mr. Yasuhiro Okuyama Secretarial General of SGH Foundation serta beberapa pegawai daripada Jepun.

Manakala daripada Malaysia, Dr. Syafizwan Nizam bin Mohd Faroque, Timbalan Pengarah Unit Pengantarabangsaan, Bahagian Koordinasi TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, Puan Hajah Roseliza binti Dato' Shaari dan Dr. Siva Sangar Krishnan Timbalan Setiausaha Bahagian III, Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa Seksyen Logistik serta pegawai -pegawai daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.



# CLOSING CEREMONY

## LOGISTICS HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT OF INTENSIVE COURSE ON LOGISTICS OPERATION AND NETWORKING 2023



